

11/12/1999

Ahli akademik sambut baik pelantikan Musa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli akademik dari pelbagai peringkat di negara ini menyambut baik dan mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan baru menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Malah, mereka sependapat bahawa pelantikan itu tepat untuk menerajui jentera pendidikan negara dalam menghadapi cabaran alaf baru kerana Musa mempunyai latar belakang dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan.

Musa adalah Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, dari 1982 sehingga 1996 sebelum beliau bersara pilihan dan digantikan Prof Datuk Dr Ishak Tambi Kechik sehingga kini.

Selepas bersara, Musa yang menjadi pegawai pertama menerajui Sekolah Sains Farmasi USM dari 1972 sehingga 1979 itu, meneruskan sumbangan dalam bidang pendidikan dengan menjadi Ahli Lembaga Pengarah Kolej Sedaya, iaitu sebuah kolej swasta tidak asing lagi di negara ini.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Nasional, Prof Madya Mohamad Ali Hasan, berkata pelantikan Musa untuk menerajui kementerian yang mempunyai warga paling ramai itu adalah suatu perubahan berani dan luar biasa.

Menurutnya, langkah melantik ahli akademik untuk menerajui Kementerian Pendidikan itu mungkin sejajar hasrat kerajaan supaya bidang pendidikan negara terus berkembang tanpa dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

"Diharapkan Menteri Pendidikan yang baru akan memberi penekanan lebih cemerlang kepada pembangunan pendidikan dari peringkat bawah sehingga atas," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengumumkan pelantikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Hon Choon Kim sebagai Timbalan Menteri Pendidikan yang baru.

Abdul Aziz, 62, berkhidmat sebagai pegawai khas Dr Mahathir sejak 1975 dan dilantik sebagai Setiausaha Politik pada 1981. Beliau berkelulusan Maktab Perguruan Sultan Idris dan mempunyai ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa.

Seterusnya tokoh akademik, penulis dan juga penganalisis politik, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, pula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.

Dilahirkan pada 16 Mei 1945 di Kedah, bekas pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM) ini adalah lulusan University of Michigan dan University of Chicago.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), N Siva Subramaniam berkata, pemilihan Musa kena pada tempatnya kerana beliau memiliki kelayakan akademik yang tinggi serta berpengalaman luas dalam bidang pendidikan.

"Cabaran bagi menghadapi alaf baru amat besar, oleh itu menteri yang bakal menerajui kementerian yang penting ini diharap mampu membawa perubahan supaya dapat bersaing dengan negara lain," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi Mara, Prof Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, berkata pihaknya mengalu-alukan pelantikan Musa sebagai Menteri Pendidikan yang baru dan meneruskan hasrat untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Katanya, Musa dilihat sebagai ahli akademik yang berwibawa dan mampu memikul tanggungjawab memimpin negara melalui pelaksanaan program pendidikan yang berkesan.

Beliau juga menyifatkan pengalaman Musa yang pernah memegang jawatan

Naib Canselor boleh digunakan sepenuhnya dalam memajukan dan meningkatkan taraf pendidikan negara.

Tokoh akademik, Profesor Tan Sri Awang Had Salleh, berkata kepemimpinan Musa ketika memimpin Universiti Sains Malaysia (USM) akan membantu memudahkan beliau melaksanakan tugas mencabar dan berat ini.

Menurutnya, kepercayaan Dr Mahathir membawa bekas ahli akademik ke dalam kerajaan adalah satu pengiktirafan kepada golongan pendidik di negara ini.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Malaysia, Normah Mohamed, turut mengalu-alukan pelantikan barisan baru peneraju Kementerian Pendidikan itu.

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Muhammad Mustapha, berkata pelantikan seorang ahli akademik sebagai menteri bertepatan dengan hasrat asal kementerian itu yang menekankan aspek kecemerlangan pendidikan bagi semua peringkat dan lapisan masyarakat.

(END)